

Lebih banyak program moden disediakan di Kelab Masyarakat ACE The Place untuk memenuhi keperluan penduduk di Woodlands. Program baru yang disediakan terus berkembang mengikut peredaran masa. Namun, kelab masyarakat itu masih berpegang kepada matlamatnya mahu menyatukan penduduk daripada pelbagai bangsa dan latar belakang bersama. Kini, program mereka seperti zumba mampu menyatukan bukan sahaja ahli keluarga malah masyarakat berbilang bangsa. Laporan FARAH REZAL (rjarah@sph.com.sg).

Kegiatan ACE The Place satukan penduduk berbilang bangsa

PERUBAHAN masa tidak mengubah matlamat kelab masyarakat ini mahu menyatukan penduduk.

Walaupun dari luar Kelab Masyarakat ACE The Place berwujud baru dengan penampilan moden, tujuan tempat itu dibangunkan masih sama.

Kelab masyarakat yang terletak di Woodlands Avenue 1 itu dibuka pada Mac 2014.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Kelab Masyarakat (CCMC) ACE The Place, Encik Allen Wong, penerima Pingat Bakti Masyarakat (PBM), berkata:

“Objektif kami ialah mengukuhkan perpaduan sosial dan keharmonian kaum melalui aktiviti dan program yang diadakan di sini.

“Kami ingin penduduk daripada semua lapisan masyarakat berkumpul bersama di ruang yang sama, agar menggunakan kemudahan yang disediakan.”

Kelab masyarakat itu sebesar 4,000 meter persegi.

Dari 2003 hingga 2013, kelab masyarakat itu hanyalah seluas 500 meter persegi dan menjalankan aktiviti di kolong Blok 547 Woodlands Drive.

Sejak ia dibuka pada 2014 sebagai bangunan tersendiri, pelbagai program dan aktiviti baru disediakan.

Walaupun ada program yang lebih moden seperti zumba, ‘Mengenali Facebook’ dan ‘Pengurusan Gambar Digital’ yang disediakan, program yang lebih tradisional seperti silat dan tarian klasik India masih diadakan.

Anggota Parlimen GRC Sem-

bawang, Encik Vikram Nair, berkata apabila ACE The Place ditubuhkan, tinjauan telah dilakukan bagi mengenal pasti keperluan penduduk supaya mereka tahu apa yang harus ditawarkan.

Menurutnya, ACE The Place ingin terus mengembangkan program dan aktiviti yang disediakan.

“Kini, ACE The Place mempunyai banyak kemudahan moden termasuk pusat penjagaan kanak-kanak, gim 24 jam dan bilik karaoke.

“Saya selalu memberitahu penduduk agar memaklumkan kami jika terdapat aktiviti baru yang mereka suka dan ingin melakukan di ACE.

“Jika mereka boleh mendapatkan beberapa penduduk untuk sama-sama setuju menganjurkan aktiviti itu, kami gembira untuk menawarkan aktiviti itu di sini,” kata Encik Vikram.

Encik Wong berkata walaupun objektif kelab masyarakat itu dikekalkan, pihaknya telah merubah pendekatan kepada penduduk.

Mereka mengikut aliran masa dan memenuhi keperluan rakyat yang turut berubah.

“Satu contoh yang baik ialah kami menyediakan lebih daripada sekadar satu set televisyen bagi penduduk datang menonton filem bersama.

“Kelab masyarakat kami kini dilengkapi dengan kemudahan dan ruang bagi menganjurkan tayangan filem bulanan.

“Justeru, lebih ramai penduduk dapat datang bersama menonton



PROGRAM LAMA DIKEKALKAN: Walaupun ada pelbagai program moden yang disediakan di ACE The Place, program tradisional seperti silat masih ditawarkan dan ia menerima respons yang baik daripada penduduk. – Foto-foto M.O. SALLEH

filem itu dengan keluarga dan rakan mereka,” ujarnya.

Selain filem bulanan, ACE The Place telah menayangkan Piala Dunia 2014.

“Sebenarnya, aktiviti tontonan bersama ini telah bermula ketika Singapura baru membangun lagi.

“Dahulu, tidak semua yang mampu memiliki set televisyen dan penduduk setempat akan berkumpul di balai rakyat untuk menonton televisyen.

“Walaupun masa telah berubah, kami berusaha memastikan tradisi ini terus hidup melalui aktiviti dan acara moden kami, demi mengekalkan semangat ‘kampung,’” ujar Encik Wong.



GIM 24 JAM: Demi memenuhi keperluan penduduk, gim Anytime Fitness yang dilengkapi instruktur ini membolehkan penduduk menggunakannya mengikut jadual masing-masing.